

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD  
( PERDANA MENTERI )

UPACARA: MAJLIS MAKAN MALAM MERAIKAN TUAN YANG TERUTAMA TOSHIKI KAIFU  
PERDANA MENTERI JEPUN

TEMPAT: SRI PERDANA, KUALA LUMPUR

TARIKH: 27 APR 1991

MASA:

Tuan Yang Terutama Toshiki Kaifu,  
Perdana Menteri Jepun;  
Puan Kaifu;  
Ahli-ahli Delegasi Jepun yang dihormati;  
Tuan-tuan dan puan-puan,  
Bagi pihak Kerajaan Malaysia, saya dan isteri saya  
mengucapkan Selamat Datang ke Malaysia kepada Tuan Yang  
Terutama dan Puan Kaifu serta ahli-ahli delegasi Tuan Yang  
Terutama.

2. Kami memang berharap untuk menerima lawatan Tuan Yang  
Terutama ke Malaysia lebih awal lagi, iaitu pada bulan  
Januari yang lepas, tetapi perang Teluk memerlukan perhatian  
segera setiap anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)  
yang bertanggungjawab. Sepanjang sejarah PBB, hanya  
beberapa kali sahaja pasukan-pasukan pelbagai negara  
memberikan bantuan kepada sesebuah anggotanya yang terancam.  
Adalah diharapkan bahawa tindakan-tindakan lain yang kurang  
ganas akan juga mendapat kerjasama seperti ini di kalangan  
ahli-ahli PBB. Sebagai contoh, dalam kerja-kerja membantu  
pelarian-pelarian, kerjasama seperti ini amatlah berguna.

3. Malaysia yang berpeluang berkhidmat dalam Majlis  
Keselamatan PBB pada awal Krisis Teluk telah mendapat  
pengajaran secara dekat akan pentingnya suara sepakat  
mengenai perkara-perkara yang boleh memberi kesan terhadap  
dunia. Kami juga merasakan perlunya bagi negara-negara yang  
kukuh ekonominya seperti Jepun dan Jerman, memainkan peranan  
yang lebih luas dalam rangka kerja PBB.

4. Perang Teluk mungkin telah berakhir, tetapi isu-isu  
politik dan ekonomi yang mencetuskan peperangan tersebut  
masih tetap wujud. Sebenarnya banyak masalah baru telah  
muncul. Buat masa sekarang, dua buah negara sudah hampir  
hancur lebur dan ribuan manusia yang tidak berdosa telah  
kehilangan nyawa. Satu kumpulan baru pelarian telah timbul,  
iaitu kaum Kurdis. Sementara itu, masalah Palestin masih  
jauh daripada mencapai penyelesaian.

5. Pertelingkahan yang telah tamat yang kita alu-alukan  
mungkin telah menamatkan cita-cita Iraq, tetapi ia juga  
telah menimbulkan satu perubahan struktur kuasa yang memberi  
petanda tidak baik bagi Timur Tengah. Israel telah menjadi  
bertambah angkuh sehinggakan sekutu paling rapat Israel,

Amerika Syarikat, negara paling kuat di dunia, gagal memujuknya. Bibit-bibit konflik dan ketidakstabilan di Timur Tengah kini telah bertapak dan akan terus berada demikian selagi rakyat Palestin dinafikan hak mutlak mereka.

6. Seperti yang kita telah lihat, seluruh dunia boleh terjejas oleh konflik di Timur Tengah. Oleh itu, adalah penting bagi dunia membantu menyelesaikan masalah Palestin. Masalah yang dibiarkan begitu sahaja tidak akan membantu sesiapa, walau Israel sekalipun. Jika rakyat Palestin sedia menerima negara Israel secara sah, maka Israel juga hendaklah menerima dengan sah negara Palestin.  
Tuan Yang Terutama

7. Selain daripada perkembangan dramatik di rantau Teluk, dunia telah mengalami beberapa perubahan radikal. Daripada terlalu sangat menumpukan perhatian kepada ideologi, negara-negara di dunia kini telah mengubah perhatian kepada pembangunan ekonomi. Setiap kerajaan ingin melihat rakyatnya menikmati taraf hidup yang lebih baik. Bagaimanapun, pertumbuhan ekonomi tidak boleh dicapai dengan sendirinya. Untuk berkembang, negara-negara mesti berdagang di antara satu sama lain, supaya kekuatan negara yang ekonominya maju akan dapat membantu negara-negara yang ekonominya lemah. Dalam lain perkataan, perdagangan mestilah bebas supaya ianya akan memberi faedah kepada semua pihak.

8. Sistem perdagangan bebas antarabangsa yang wujud selepas perang dunia yang lalu tidak dapat dinafikan telah bertindak sebagai alat pemulihan bagi ekonomi-ekonomi yang musnah, sama ada ekonomi negara yang menang atau yang kalah. Negara Jepun adalah satu contoh baik kejayaan ekonomi hasil daripada perdagangan bebas. Negara-negara barat yang utama juga memperolehi kekayaan besar. Jelaslah jika dasar perlindungan berjaya, pertumbuhan ekonomi dunia akan terjejas dan tidak ada negara baru yang akan mencapai "economic take off".

9. Pasangan kepada perdagangan bebas ialah pelaburan asing, satu cara mengagihkan modal dan teknologi kepada negara-negara yang miskin dari segi kewangan dan teknologi. Para pelabur mungkin tidak didorongkan oleh perhitungan sosial atau politik. Mereka mungkin melabur khusus kerana keuntungan. Tetapi negara-negara tuan rumah yang miskin menghargai pelaburan tersebut kerana ianya menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan peningkatan taraf hidup rakyat mereka.

10. Apabila negara-negara miskin ini menjadi makmur, pasaran mereka akan menjadi lebih besar bagi barang-barang keluaran negara-negara kaya. Jelaslah bahawa membantu pihak lain menjadi kaya memberi hasil yang lumayan kepada pembantu. Dunia yang dipenuhi negara-negara kaya tidak merugikan sesiapa. Namun masih wujud sikap membiarkan jiran menjadi miskin atau "beggar thy neighbour" di kalangan sesetengah negara kaya dan kuat. Sekatan-sekatan

perdagangan dan dasar-dasar yang mengganggu dagangan, sama ada secara sengaja atau tidak, yang menyekat pertumbuhan negara-negara miskin masih digemari oleh banyak negara kaya.

11. Sebagai sebuah negara membangun, Malaysia amat sedar akan kesan buruk dasar-dasar perlindungan. Bukan sahaja dasar-dasar ini mengakibatkan kesulitan ekonomi, tetapi ia juga menyebabkan ketidakstabilan sosial dan politik. Oleh kerana inilah maka Malaysia, setakat yang ia mampu, cuba membantu negara-negara jirannya dan lain-lain negara membangun. Kita mahu melihat terutamanya negara-negara jiran kita menjadi makmur, kerana kita benar-benar percaya bahawa kemakmuran mereka akan juga memberi faedah kepada Malaysia dan kepada keselamatan dan kestabilan serantau.

12. Antara sebab-sebab Malaysia menyertai ASEAN ialah kerana tanggapan ini. ASEAN bukanlah blok perdagangan. Secara ringkas ia merupakan sebuah kumpulan negara-negara yang saling bantu-membantu dan sebuah kumpulan negara-negara yang tidak eksklusif. Kami tidak menggalakkan perdagangan eksklusif di kalangan kami sahaja. Setiap anggota bebas menjalankan perdagangan dengan negara-negara bukan ASEAN. Namun dengan berkumpul bersama melalui ASEAN, bukan sahaja negara-negara anggota menjadi makmur, bahkan perdagangan di antara mereka dan dengan yang lain di dunia telah berlipatganda. Jelaslah ASEAN tidak mengancam sesiapa. Di sebaliknya kemakmuran negara-negara ASEAN yang ternyata ini telah menyumbang kepada kemakmuran mereka yang telahpun makmur dengan ASEAN menjadi sebuah pasaran yang kaya.

13. Apabila Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG) dicadangkan, pengalaman dalam ASEAN tidak dilupakan. Pertama, ialah berhubung dengan faedah-faedah perdagangan bebas. Kedua, kemakmuran dan kestabilan negara-negara jiran menyumbang ke arah kemakmuran sesebuah negara.

14. Dengan pengalaman daripada ASEAN dan kesedaran bahawa perdagangan bebas merupakan jentera pertumbuhan, adalah tidak munasabah bagi mana-mana negara ASEAN, terutamanya Malaysia, untuk mengutarakan kumpulan serantau yang eksklusif dan mengabaikan perdagangan bebas. Dengan kira-kira 50% daripada perdagangannya adalah dengan negara-negara Amerika dan Eropah yang maju, adalah satu tindakan yang boleh memusnahkan dirinya jika Malaysia berhasrat untuk hanya berdagang dengan negara-negara Asia Timur. Justeru itu, EAEG yang dicadangkan tidak bertujuan untuk menutup pasaran-pasaran Asia Timur kepada Eropah atau Amerika. Tujuannya ialah untuk membolehkan negara-negara Asia Timur menyuarakan pendapat secara kolektif menyokong perdagangan bebas di semua forum berhubung dengan masa depan sistem perdagangan dunia. Penubuhan satu masyarakat ekonomi Asia Timur atau zon perdagangan bebas eksklusif Asia Timur adalah jauh daripada pemikiran kita.

15. Oleh itu, kita merasa terkejut diberitahu bahawa negara-negara di rantau Asia Timur tidak seharusnya mengadakan suatu forum di kalangan mereka atau mengenal diri

mereka sebagai orang Asia Timur. Kami diberitahu bahawa oleh kerana Asia Timur terletak di Pinggiran Pasifik atau Pacific Rim, maka kami dikehendakki setiap masa bertindak sebagai anggota Pinggiran Pasifik. Sementara negara-negara di pantai timur Pasifik boleh menubuhkan kumpulan-kumpulan eksklusif, negara-negara di sebelah pantai barat Pasifik tidak boleh menubuhkan walaupun suatu forum. Alasan seperti ini tidak boleh diterima akal.

16. Kami diberitahu bahawa sesetengah pihak tidak faham mengenai tujuan EAEG. Kami menerima bahawa penjelasan tidak perlu diberikan kepada kami apabila pihak lain membuat sesuatu tindakan yang memberi kesan ke atas kami, tetapi sebaliknya kami mestilah memberi penjelasan mengenai apa yang hendak kami lakukan. Tetapi tentulah jelas bahawa tidak mungkin EAEG menjadi seperti Kesatuan Eropah ataupun kawasan Perdagangan Bebas Amerika Syarikat-Kanada.

17. Kami tidak dihubungi apabila pihak lain mendirikan sekatan-sekatan terhadap kami. Tidakkah boleh kami dibenarkan sekurang-kurangnya menubuhkan kumpulan yang membolehkan kami membincangkan bagaimana untuk mengekalkan perdagangan bebas dan saling bantu membantu antara satu sama lain untuk menjadi negara yang lebih maju? Adakah salah untuk berhasrat menjadi maju? Jika perkembangan ASEAN telah menjadikannya sebuah pasaran yang kaya bagi negara-negara maju, apakah tidak sebuah Kumpulan Asia Timur yang kaya juga akan menjadi sebuah pasaran yang lebih baik bagi Eropah dan Amerika?

18. Kami tidak faham dengan kelantangan pihak-pihak yang mengutuk keras Kumpulan Ekonomi Asia Timur yang dicadangkan itu. Pada kami hanya mereka yang tidak menyokong perdagangan bebas sahaja yang akan menentang sebuah kumpulan yang bertujuan menjamin perdagangan bebas.

Tuan Yang Terutama,

19. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Tuan Yang Terutama dan juga kepada pemimpin-pemimpin Jepun sebelum ini yang telah melaksanakan dasar yang mantap untuk mempertingkatkan hubungan baik di antara Jepun dengan negara-negara serantau. Pada tahun 1977, Perdana Menteri Takeo Fukuda, di akhir lawatannya ke negara-negara ASEAN, telah menyeru supaya diwujudkan satu hubungan yang lebih akrab di antara Jepun dengan ASEAN, berlandaskan keyakinan, kepercayaan bersama dan persefahaman secara 'hati ke hati'. Perdana Menteri Fukuda juga telah menolak kemungkinan Jepun menjadi satu kuasa tentera, dan berikrar untuk bekerjasama secara positif dengan negara-negara ASEAN di dalam usaha memperkukuhkan perpaduan dan ketahanan mereka, bersama-sama dengan negara-negara di luar rantau ini yang sehaluan fikiran. Pendirian yang dilafazkan oleh Perdana Menteri Fukuda itu telah menjadi terkenal sebagai "Fukuda Doctrine" pada awal tahun lapan-puluhan dan Perdana Menteri-Perdana Menteri Jepun selepas beliau terus mengamalkan dasar itu.

Tuan Yang Terutama,

20. Saya berasa amat gembira kerana selepas perbincangan kita hari ini, saya dapati bahawa Tuan Yang Terutama dan juga Kerajaan Jepun lebih komited kepada cita-cita "Fukuda Doctrine". Seterusnya kita juga bersetuju akan perlunya Jepun dan ASEAN bersama-sama mengeratkan lagi kerjasama dan meningkatkan bantuan kepada semua negara Asia di persekitaran Lautan Pasifik, demi menggalakkan perdagangan dan perpaduan serantau.

21. Apabila Malaysia memutuskan untuk menjalin hubungan yang lebih rapat dengan Jepun hampir satu dekad yang lalu, Malaysia mengharapkan bahawa dalam satu jangka masa yang tertentu, Malaysia akan mempunyai satu generasi baru belia yang terlatih dalam teknologi dan etika industri Jepun. Dengan keputusan itu, ada kemungkinan negara Jepun menjadi fokus rakyat Malaysia untuk mendapat pengetahuan yang baru. Dalam jangka masa lapan tahun, beribu-ribu belia Malaysia telah mendapat latihan di Jepun, termasuk hampir tiga ribu yang ditaja oleh Kerajaan Malaysia. Adalah didapati bahawa program latihan di Jepun bukan sahaja telah mendatangkan manfaat bagi pembangunan ekonomi Malaysia, bahkan, yang penting lagi, telah memupuk perasaan muhibah dan persahabatan di antara rakyat Jepun dan rakyat Malaysia.

22. Bagi meningkatkan lagi persefahaman sesama kita, Malaysia berharap untuk menghantar lebih ramai lagi penuntut dan pelatih teknikalnya ke Jepun. Pengwujudan pekerja-pekerja terlatih adalah untuk memenuhi keperluan tenaga manusia mahir Malaysia yang kian meningkat. Saya harap masyarakat perniagaan dan perindustrian Jepun yang mempunyai kepentingan di rantau ini akan terus memberi sokongan kepada program latihan ini.